

Konsep mesra pengguna melalui Kerajaan Elektronik

KOSMO 28.5.2007 MS9

BAGI mengurangkan kerenah birokrasi dalam sektor awam, Kerajaan Elektronik (EG) diperkenalkan sebaik sahaja Koridor Raya Multimedia (MSC) dilancarkan pada 1997.

Sehingga kini, selepas 10 tahun, pelbagai perubahan dapat dilihat dalam jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang melibatkan perkhidmatan kaunter kepada orang ramai biarpun masih memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Pengarah Bahagian Pembangunan (EG), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, Mohd. Fouzi Wan Ab. Rahman menjelaskan, EG dapat mening-

katkan kemudahan, akses dan kualiti interaksi antara kerajaan dan rakyat.

Kata beliau, ia sekali gus mempertingkatkan kelancaran maklumat dan proses dalaman kerajaan untuk memperbaiki kualiti pembangunan polisi, koordinasi serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Antara projek EG yang telah beroperasi ialah Sistem Pemantauan Projek (SPP II) di mana ia berperanan menyediakan satu mekanisme bagi membantu kementerian serta agensi di bawahnya memantau projek pembangunan yang dibiayai Kerajaan Pusat.

"Selain itu, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) memastikan pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam dapat melahirkan pekerja mahir, terlatih dan bermotivasi untuk menghadapi cabaran semasa," katanya.

Projek Persekitaran Pejabat Generik-Sistem Pengurusan Dokumen Kerajaan Elektronik (GOE-EGDMS) pula adalah satu sistem aplikasi yang berupaya membantu agensi kerajaan mengurus dokumen dengan lebih efektif dan efisien.

"Kami juga menjalankan projek E-Perolehan (EP), E-Syariah, E-PBT, Bursa Buruh Elektronik (ELX), Portal Perkhidmatan Awam, E-Tanah

dan E-Kehakiman yang memberi penekanan kepada beberapa urusan tertentu.

"E-Khidmat pula bertujuan memudahkan orang ramai melunaskan perkhidmatan di agensi-agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PD-RM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Insolvensi," ujarnya.

Dalam pada itu, Fouzi turut memaklumkan mengenai satu lagi perkhidmatan yang dilancarkan pada 13 Disember 2005 bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pe-

nyampaian iaitu Portal Perkhidmatan Awam (myGovernment).

Menurutnya, melalui myGovernment, pengguna hanya perlu melayari laman web *www.gov.my* untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan pelbagai agensi kerajaan tanpa perlu mengetahui alamat laman web agensi itu.

"Antara perkhidmatan yang disediakan ialah berita utama, kalendar peristiwa, jawatan kosong, notis tender, iklan dan pengaduan awam.

"Ia juga mempunyai pautan kepada perkhidmatan dalam talian lain seperti semakan dan pembayaran saman trafik dan sebagainya," ujar beliau.